



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**TIGA SYARIKAT DIDENDA KERANA KEGAGALAN MENGHADAPKAN  
PENYATA CUKAI PENDAPATAN**

Tarikh: 16hb Februari 2021

1. Sepanjang bulan Januari 2021, Mahkamah Majistret telah menjatuhkan denda kepada tiga buah syarikat setelah wakil-wakilnya mengaku bersalah kerana tidak mematuhi Seksyen 52(1) Akta Cukai Pendapatan (Penggaj 35).
2. Pada 6hb Januari 2021, Syarikat Seri Limbang Sdn Bhd dan Syarikat SPI Transportation & Lifting Services Sdn Bhd masing-masing telah dikenakan denda sebanyak BND 5,000 kerana gagal menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Kewangan berakhir pada 31hb Disember 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017.
3. Pada 23hb Januari 2021 pula, Mahkamah telah menjatuhkan denda sebanyak BND 10,000 kepada Seri Pekatan Sdn Bhd kerana gagal menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Kewangan berakhir pada 31hb Disember 2014, 2015, 2016 and 2017.

Bahagian Hasil  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam